

LAMPIRAN

JUSTIFIKASI PERMOHONAN PERUNTUKAN MYMUDAH BAGI PEMBAYARAN PENYELENGGARAAN DAN PENYAMBUNGAN PORTAL MYMUDAH

1. Keperluan Pengaktifan semula Portal MyMudah

Portal MyMudah telah beroperasi selama tiga tahun sejak pelancarannya, dan sepanjang tempoh tersebut, ia telah berjaya menarik seramai lebih **600 pengguna** aktif yang memanfaatkan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Walaupun inisiatif MyMudah telah diberikan fokus baharu kepada program utama yang lain seperti reformasi kerena birokrasi (RKB), keperluan portal MyMudah dilihat masih relevan bagi menyokong program-program tersebut.

Terdapat beberapa aspek utama yang menyokong keperluan pengaktifan semula portal ini, termasuk sumber repositori data dan isu sektor industri, Penambahbaikan fungsi tambahan bagi platform MyMudah dan Kelangsungan Program MyMudah. Butiran adalah seperti dibawah.

i. Repositori Data & Maklumat MyMudah

Sehingga kini, sebanyak **453 unit MyMudah** telah ditubuhkan menggunakan portal MyMudah, melibatkan hampir **600 pengguna** yang terdiri daripada pelbagai entiti termasuk kementerian, agensi kerajaan, agensi negeri, pihak berkuasa tempatan, serta persatuan perniagaan. Pencapaian ini membuktikan keberkesanan portal MyMudah dalam mempermudah proses pentadbiran dan memperkuat kerjasama antara sektor awam dan swasta. Melalui integrasi digital ini, MyMudah berjaya meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta memberikan impak positif terhadap kelancaran urusan harian masyarakat.

a. Statistik Penggunaan Laman Web MyMudah (2023-2025)

Berdasarkan data yang diperoleh, jumlah kemasukan pengguna (unik) ke laman web MyMudah adalah seperti berikut:

Bulan	2023	2024	2025
Januari	41	118	40
Februari	58	118	27
Mac	50	131	34
April	31	44	12
Mei	38	50	-
Jun	83	33	-
Julai	55	30	-
Ogos	133	77	-
September	199	83	-
Oktober	205	46	-
November	132	34	-
Disember	199	44	-

Jadual 1: Jumlah Unique Visitor Portal MyMudah

b. Kedudukan Pengguna dan *Engagement*:

- Laman web MyMudah telah menunjukkan pertumbuhan yang positif dalam bilangan pengguna, dengan lebih dari **530** pengguna dari sektor kerajaan dan **256** dari sektor perniagaan yang berdaftar.
- Jumlah isu yang dimuatkan dalam sistem adalah sebanyak 55, mencerminkan pelbagai topik yang dibangkitkan oleh pihak berkepentingan.
- Dengan jumlah kemasukan portal sebanyak **4,021** dan *event count* **54,831**, laman web ini dapat dikatakan berfungsi sebagai saluran utama

bagi penglibatan dan pemantauan isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat dan pihak kerajaan.

Bulan	2023	2024	2025
Januari	1112	3203	1086
Februari	1573	3203	733
Mac	1357	3556	923
April	842	1195	271
Mei	1031	1356	
Jun	2252	894	
Julai	1493	813	
Ogos	3609	2090	
September	5399	2253	
Oktober	5558	1248	
November	3577	922	
Disember	5399	1195	

Jadual 2: Jumlah Event Count Portal MyMudah

c. Kemasukan isu-isu industri yang aktif

Sehingga Mei 2025, portal MyMudah terus menerima kemasukan isu-isu yang aktif dari pelbagai pihak industri. Ini menunjukkan bahawa portal ini berperanan penting sebagai platform utama dalam menyalurkan masalah, cabaran, dan keperluan industri secara langsung kepada pihak pengurusan dan pembuat keputusan. Keterlibatan aktif industri dalam menggunakan portal ini bukan sahaja memperkukuh fungsi MyMudah sebagai saluran komunikasi dua hala yang efektif, tetapi juga membolehkan maklumat terkini dan tepat disampaikan dengan lebih cepat. Keupayaan portal untuk menangani dan merekod

isu-isu industri secara sistematik menjadi faktor penting dalam memastikan respons yang tepat dan tindakan susulan dapat dilaksanakan secara berkesan. Oleh itu, kemasukan isu industri yang berterusan mencerminkan kepercayaan dan kebergantungan industri terhadap MyMudah sebagai medium utama dalam mempertingkatkan proses penyelesaian masalah serta membangunkan ekosistem perkhidmatan yang lebih efisien.

ii) **Fungsi Tambahan bagi Platform MyMudah**

a. **Platform Sumber Isu-isu Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB):**

- Platform MyMudah akan terus menjadi sumber utama bagi projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB). RKB bertujuan untuk memperbaiki dan mempercepatkan urusan birokrasi di peringkat kerajaan dan memastikan bahawa proses pentadbiran menjadi lebih efisien dan berkesan. MyMudah, dengan fungsinya yang sudah terbukti, akan memainkan peranan penting dalam memantau dan menyelesaikan isu-isu tersebut.
- Dengan adanya penggunaan platform ini yang semakin meluas, penyambungan pembayaran hosting dan domain adalah penting untuk memastikan kelangsungan operasi sistem tanpa gangguan.

b. **Sumber Isu untuk Jawatankuasa Kerja Dasar, Peraturan dan Perundangan (JKDPP):**

- Melalui mesyuarat bersama pihak MDEC berkaitan cadangan penubuhan Jawatankuasa Kerja Dasar, Peraturan dan Perundangan (JKDPP) pada 8 Mei 2025 yang lalu, mesyuarat dimaklumkan bahawa platform MyMudah telah dicadangkan untuk menjadi platform utama untuk penyaluran dan pemantauan isu-isu di bawah **JKDPP**. Platform ini akan berperanan dalam proses pendaftaran isu, penilaian, dan pertimbangan pelaksanaan dasar serta peraturan yang berkaitan.

- Portal ini akan digunakan sebagai saluran utama untuk menyampaikan dan memantau isu-isu yang dibangkitkan di bawah bidang kuasa JKDPP. Proses ini melibatkan penyelarasan antara pelbagai kementerian, agensi, dan pihak-pihak yang terlibat dalam perumusan serta pelaksanaan dasar dan peraturan negara.
- Keberadaan platform ini memastikan kelancaran komunikasi antara semua pihak yang terlibat dalam proses perundangan dan peraturan negara.

c. Pelaksanaan Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025

- Portal MYMudah memainkan peranan penting dalam pelaksanaan Akta ILTIZAM 2025 dengan menyediakan saluran terpusat bagi industri untuk melaporkan isu-isu yang dihadapi secara mudah dan sistematik. Melalui portal ini, setiap aduan atau masalah boleh diklasifikasi, diurus, dan dipantau status penyelesaiannya secara langsung, memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan isu.
- Selain itu, MYMudah memudahkan komunikasi dua hala antara pihak industri dan agensi pelaksana akta, membolehkan pertukaran maklumat dan maklum balas yang cepat dan efektif. Portal ini juga membekalkan data analitik untuk mengenal pasti trend isu serta membantu penggubal dasar dan pengurusan membuat keputusan yang tepat dan berasaskan bukti demi mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan Akta ILTIZAM 2025.

iii) Kelangsungan Program MyMudah

Pemerkasaan dan kelangsungan portal MyMudah merupakan satu usaha strategik yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan, daya saing, dan kemampuan portal sebagai platform digital utama yang memenuhi

keperluan pengguna dan unit MyMudah secara menyeluruh. Melalui pemerkasaan ini, MyMudah akan diperkukuh dari segi teknologi, fungsi, keselamatan, dan perkhidmatan bagi memastikan pengalaman pengguna yang lebih baik serta memperluaskan capaian dan impak portal.

Sebagai sebahagian daripada pemerkasaan, usaha penjenamaan dan promosi MyMudah akan dipertingkatkan. Ini bertujuan untuk memperluas capaian pengguna, meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kewujudan dan kelebihan portal, serta memperkukuh imej MyMudah sebagai platform digital yang boleh dipercayai dan inovatif.

Kesimpulan

Memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh laman web MyMudah dalam menyokong pelbagai inisiatif kerajaan, khususnya dalam Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB), penyaluran isu melalui JKDPP dan pelaksanaan Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 adalah wajar bagi pihak pengurusan MPC untuk mempertimbangkan sokongan dan kelulusan penyambungan operasi platform ini. Selain itu, dengan peningkatan penggunaan dan penglibatan aktif oleh pengguna dari sektor kerajaan dan perniagaan, MyMudah menunjukkan potensi yang besar untuk terus berfungsi sebagai alat komunikasi utama dalam meningkatkan efisiensi birokrasi kerajaan.